

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Kes denggi menurun kepada 1,624 kes

Putrajaya: Jumlah kes demam denggi menurun kepada 1,624 pada Minggu Epidemiologi ke-41 (ME41) iaitu bagi tempoh 6 Oktober hingga 12 Oktober berbanding 1,639 kes dilaporkan pada minggu sebelumnya dengan satu kematian akibat komplikasi denggi.

Dalam kenyataan mengenai situasi demam denggi di Malaysia semalam, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kumulatif kes demam denggi dilaporkan hingga ME41 ialah 106,773 kes, berbanding 94,181 kes bagi tempoh sama pada 2023.

“Terdapat 96 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding 67 kematian bagi tempoh sama pada 2023,” katanya.

Beliau berkata, bilangan hotspot dilaporkan pada ME41 pula 38 lokaliti, berbanding 35 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya.

Dr Muhammad Radzi berkata, daripada 38 lokaliti dilaporkan, 22 lokaliti di Selangor, Negeri Sembilan (5), Pulau Pinang (4), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (2), Sabah (2) serta masing-masing satu lokaliti di Pahang, Perak dan Kelantan.

KKM keluar 98,054 notis kompaun kesalahan merokok

Kuantan: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan 98,054 notis membabitkan nilai kompaun RM24.5 juta dalam tempoh sembilan bulan tahun ini bagi kesalahan merokok di tempat larangan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, angka berkenaan meningkat berbanding bilangan notis dikeluarkan sepanjang tahun lalu iaitu 96,127 dengan nilai kompaun RM24 juta.

“Data berkenaan membuktikan kami serius menjalankan penguatkuasaan dan dakwaan petugas KKM tidak lagi menguatkuasakan peraturan larangan merokok tidak benar. Mereka (penguat kuasa) sering jalankan operasi setiap hari,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan

Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs) dan Operasi Mega Bersepadu Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) peringkat Kebangsaan di sini kelmarin.

Dzulkefly berkata, sekiranya penguatkuasaan Peraturan (11) Peraturan-Peraturan

Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) 2004 diteruskan hingga hujung 2024, pihaknya menjangkakan lebih 130,000 notis membabitkan nilai kompaun RM32 juta dikeluarkan.

Bagaimanapun, peraturan kawalan produk tembakau di bawah PPKHT kini digantikan Akta 852.

Ditanya sama ada anggotanya penguat kuasa berhadapan ancaman ketika melakukan operasi, Dzulkefly mengakui perkara itu berlaku namun ditangani dengan baik.

“**Data berkenaan bukti kami serius menjalankan penguatkuasaan**”
Dr Dzulkefly

Rabies ragut enam nyawa di Sarawak

Langkawi: Wabak rabies atau penyakit anjing gila meragut enam nyawa yang direkodkan di Sarawak tahun ini sekali gus mencetuskan kebimbangan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid berkata, justeru, pemilik anjing peliharaan harus memastikan haiwan itu mendapat suntikan anti-rabies.

“Bermula kes pertama rabies dilaporkan di Sarawak pada Julai 2017 hingga hari ini, 81 kes jangkitan dalam kalangan manusia dengan 74 kematian direkodkan di negeri itu.

“Namun, di Kedah kes rabies terakhir berlaku pada 2018 di daerah Kubang Pasu, bagaimanapun kes itu dikawal dengan baik,” katanya dalam uca-

pan aluan pada Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan & World Rabies Day peringkat Negeri Kedah di Pusat Beli Belah Langkawi Fair di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan negeri, Dzwahir Ab Ghani.

Sementara itu, Dzwahir dalam ucapannya berkata,

kerajaan negeri terus komited dan sentiasa mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu penularan wabak rabies di negeri ini.

“Langkawi yang kedudukannya hampir dengan negara jiran dikenal pasti sebagai daerah berisiko tinggi kerana negara itu (Thailand) masih merekodkan kes positif rabies,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan tidak pernah naikkan kos hemodialisis sejak 2016

KUALALUMPUR

- Kerajaan tidak pernah menaikkan kos rawatan hemodialisis di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seperti dakwaan yang tular di media sosial.



DR DZULKEFLY

Menerusi hantaran yang dimuat naik di akaun Facebooknya pada Ahad, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan bayaran RM13 untuk satu sesi, atau lazimnya RM169 sebulan bagi perkhidmatan rawatan hemodialisis tiga kali seminggu adalah bayaran sama sejak tahun 2016.

Selain itu, katanya, perkhidmatan asas di fasiliti KKM juga kekal RM1 manakala perkhidmatan pakar ialah RM5.

"Telah tular kembali mesej berantai lama yang mendakwa bahawa Malaysia kini menuju ke arah 'khidmat kesihatan berbayar'.

"Adalah ditegaskan bahawa kerajaan Malaysia terutamanya di bawah pentadbiran Malaysia Madani telah berulang kali menegaskan iltizam mengekalkan akses terbuka kepada perkhidmatan kesihatan," ujarnya.

Tambahnya, Kerajaan Perpaduan tidak bercadang untuk menyemak mana-mana fi buat masa ini dan sehubungan itu, penularan mesej tidak tepat dan tidak bertanggungjawab itu harus dihentikan.

Hantaran tersebut turut memuat naik tangkap layar mesej yang mendakwa rawatan hemodialisis di hospital kerajaan tidak lagi percuma kerana pesakit wajib membayar RM13 bagi satu sesi atau RM169 sebulan, yang kononnya telah bermula sejak lebih setahun lepas, sedangkan ia sebenarnya adalah fi yang sama sejak tahun 2016. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI

Perokok mengaku kurang siuman elak kena kompaun

JKNK lancar operasi di premis makanan, dobi dan kedai runcit

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU

Seorang perokok memberi alasan orang kurang upaya (OKU) tidak waras bagi mengelak dikenakan kompaun selepas didapati merokok di dalam kedai makan dalam satu operasi khas di sekitar pusat bandar pada Ahad.

Lelaki berusia 55 tahun dari Pengkalan Chepa itu pada mulanya enggan memberi kerjasama ketika diminta menunjukkan kad pengenalan termasuk gagal menunjukkan bukti sebagai OKU. Ini berikutan perokok terbabit mengaku sebagai OKU bagi mengelak dikenakan kompaun ketika Operasi Mega Bersepadu dilaksanakan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK). Bagaimanapun, selepas diberi penerangan, penguat kuasa JKNK mengeluarkan notis Seksyen 47 Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan



Pihak berkuasa mengeluarkan notis kepada perokok yang dikesan melanggar peraturan di tempat awam.

Awam 2024 (Akta 852) kepada lelaki berkenaan.

Pengarah JKNK, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, penguatkuasaan dijalankan di sekitar pusat bandar menerusi operasi khas berkaitan akta itu.

"Bagi menjayakan penguatkuasaan undang-undang secara berkesan dan mampan, persefahaman serta kerjasama semua pihak amat diperlukan," katanya.

Menurut Dr Zaini, setakat 1 hingga 14 Oktober lalu, JKNK sudah mengeluarkan 12 notis Seksyen 47 Akta 852 melibatkan kesalahan merokok termasuk rokok elek-

tronik di kedai makan seluruh negeri ini.

"Jika menerima notis, pesalah perlu menjelaskan kompaun berjumlah RM250.

"Penguatkuasaan akta baharu bermula 1 Oktober lalu akan diteruskan dengan pemeriksaan premis makanan, kedai serbaneka, runcit dan dobi," katanya.

Katanya, Akta 852 berkuat kuasa serentak bersama peraturan dan perintah tertakluk di bawahnya.

"Akta ini melibatkan beberapa aspek yang perlu dikuatkuasakan serta merta dan secara berfasa," katanya.

JKNK pantau 49 kedai runcit jual rokok

KOTA BHARU - Sebanyak 1,443 pemilik dan pengendali premis diberi nasihat dan pemahaman berkaitan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2024 (Akta 852) yang dilaksanakan di negeri ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, usaha itu dijalankan sempena operasi di 10 daerah bermula 1 hingga 14 Oktober lalu.

"Dalam operasi ini, penguat kuasa memeriksa 52 kedai serbaneka, 49 kedai runcit dan empat premis khas menjual rokok elektronik, cerut serta rokok.

"Selebihnya turut diperiksa termasuklah 502 premis makanan dan kedai makan selain 594 premis lain-lain kategori," katanya pada Ahad.

Menurut Dr Zaini, keseluruhannya sebanyak 1,201 premis diperiksa bertujuan memberi pendidikan dan penguatkuasaan sebelum akta berkenaan dikuatkuasakan sepenuhnya.

"Aspek pendidikan dilaksanakan dahulu bagi tempoh enam sehingga 12 bulan daripada tarikh akta dikuatkuasakan.



Penguat kuasa JKNK memberi penerangan kepada pembantu kedai ketika Operasi Mega Bersepadu di Kota Bharu.

"Antara ditekankan termasuk pendaftaran produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April tahun depan, pembungkusan dan pelabelan pula pada 1 Oktober.

"Juga kawalan jualan termasuk pameran di kaunter jualan yang dikuatkuasakan selewat-lambatnya 1 April depan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Zaini berkata, penguatkuasaan pendidikan akan diteruskan JKNK me-

nerusi Operasi Mega Bersepadu di sekitar pusat bandar.

"Operasi ini turut disertai pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Turut sama penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang memberi pendidikan berkait akta ini kepada orang ramai," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 1
 RUANGAN : MUKA HADAPAN

ISNIN 21 OKTOBER 2024 18 RABIULAKHIR 1446

BIL 250 TAHUN KE-57

PP19527/09/2019 (035121)

 UTUSANONLINE

WWW.UTUSAN.COM.MY

ISSN 2716-6694



RM2

Sukar ramal kejadian banjir di Kuala Lumpur »9

Bekas banduan kes bunuh kerat lapan mahu jadi manusia berguna »8



MARKAS ANGKATAN BERSAMA

Kebersamaan operasi, latihan strategi ampuh perkukuh keselamatan negara »14 & 35



PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

85
1939-2024
Meneruskan legasi kewartawanan

Tidak babit gula biasa

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
 dan **CATHERINE IRENE MILTON**
 utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kenaikan duti eksais 40 sen seliter ke atas minuman bergula tidak membatikan gula pasir yang digunakan hampir keseluruhan rakyat termasuk golongan peniaga.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, para peniaga tidak boleh menjadikan kenaikan duti eksais bagi minuman bergula itu sebagai alasan untuk meningkatkan

Kenaikan duti eksais 40 sen bukan alasan naikkan harga makanan

harga makanan dan minuman yang dijual di restoran dan gerai makanan.

Katanya, harga gula biasa

yang sering digunakan peniaga untuk menghasilkan makanan termasuk kuih-muih adalah kekal dan tiada perubahan.

"Malah, gula sama juga digunakan untuk membuat air di restoran dan kedai makan. Maka ia tiada kaitan dengan cukai gula seperti yang disebut dalam Belanjawan 2025.

"Cukai gula yang disebut dalam Belanjawan 2025 merupakan cukai ke atas produk yang mengandungi kandungan gula yang tinggi. Contohnya, air dalam tin," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Kerajaan dalam Belanjawan 2025 mengumumkan perang terhadap gula dengan menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kadar yang dikenakan adalah 40 sen seliter sebagai usaha selepas penduduk Malaysia menjadi antara paling obes di rantau Asia Tenggara dan gula adalah salah satu musuh utama penyakit tidak berjangkit.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia
ISNIN • 21 OKTOBER 2024

2

Tidak babit gula biasa

Dari muka 1

Kadar duti eksais 40 sen seliter dikenakan ke atas minuman bergula mengikut nilai ambang kandungan gula bermula 1 Julai 2019, namun kadar ini dinaikkan kepada 50 sen seliter mulai 1 Januari 2023 memabatkan jenis minuman tertentu.

Antaranya kenaikan duti eksais tersebut melihatkan jenis minuman seperti air minuman termasuk karbonat yang mengandungi gula tambahan, minuman berperisa susu yang mengandungi laktosa dan jus buah serta sayur sama ada mengandungi gula tambahan atau tidak.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, para peniaga khususnya tidak boleh menjadikan kadar duti eksais sebagai alasan menaikkan harga makanan.

Justeru, ujarnya, harga dan kos untuk membuat kuih-muih sepatutnya kekal dan tiada perubahan.

Dalam pada itu, beliau mem-beritahu, kempen Jom Kosong merupakan inisiatif yang diwujudkan oleh pihaknya bersama-sama pemain industri makanan dalam menggalakkan pengguna agar memilih minuman tanpa gula supaya lebih sihat.

Jelasnya, ini bermakna dengan kerjasama restoran terlibat, mereka menawarkan harga kurang 20 sen ke atas pesanan minuman tiada gula.

"Contohnya, harga kopi O kosong akan kurang sebanyak 20 sen berbanding harga minuman ada gula," katanya.

Sementara itu, Presiden Per-satuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, mulai tahun depan, harga air bergula termasuk teh tarik yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia akan meningkat susulan kerajaan

**“
Harga dan kos
untuk membuat
kuih-muih
sepatutnya
kekal dan tiada
perubahan.”**

FUZIAH SALLEH



mengenakan cukai 40 sen seliter bagi minuman bergula.

Ini bermakna teh tarik yang ketika ini dijual RM2.40 sege-las, mulai tahun depan akan dinaikkan kepada RM3. Minu-man lain yang bergas juga tidak terkecuali.

Menurut Jawahar Ali, hal demikian ini kerana cukai yang diperkenalkan kerajaan akan dipindahkan kepada pe-langgan.

"Polisi baharu itu diyakini mampu mencapai matlamat iaitu mengurangkan peng-gunaan gula dan mendorong orang ramai untuk memilih minuman lebih sihat.

"Justeru, langkah kerajaan tersebut boleh memberi kesan lebih menyeluruh dalam mengurangkan kadar peng-gunaan gula dalam kalangan masyarakat dan dapat mem-perbaiki kesihatan awam," ka-tanya.

Dalam pada itu, Pakar Pe-rubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar menyarankan pengusaha ma-kanan dan minuman untuk turut menyokong usaha kera-jaan dalam mengurangkan kadar obesiti dalam kalan-

gan masyarakat dengan me-ngurangkan kandungan gula dalam minuman.

Katanya, walaupun ma-syarakat tahu lebih peng-gambilan gula bakal mengun-dang kepada kemudaratkan kesihatan mereka, orang ramai masih kurang cakna dengan kesan tersebut.

Beliau mencadangkan lang-kah pengurangan gula atau menjadikan pilihan sama ada minuman tersebut berserta gula atau tidak langsung da-pat membantu usaha kerajaan tersebut.

"Ini berikutan pengenaan cukai berkenaan tidak akan mengurangkan permintaan pelanggan terhadap minuman manis.

"Pengusaha makanan dan minuman juga disarankan tidak menggunakan taktik mengolah minuman manis yang banyak tular kini, hanya untuk menarik ramai pelang-gan," jelasnya.

Sebaliknya, pengenalan ter-hadap makanan dan minuman yang cukup nutrisi dan berzat dalam menu namun lazat juga dapat menarik tarikan orang ramai.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kenaikan elaun *on-call* belum cukup - Hartal Doktor Kontrak

PETALING JAYA: Kenaikan Elaun Tugas Atas Panggil (*on-call*) walaupun disambut baik oleh ramai petugas kesihatan, namun belum mencukupi dan jauh masih rendah berbanding jumlah diterima doktor swasta.

Jurucakap Hartal Doktor Kontrak (HDK), Dr. Muhammad Yassin berkata, jumlah itu belum cukup untuk bersaing dengan sektor kesihatan swasta yang menggajikan dengan lebih tinggi.

"Kenaikan elaun '*on-call*' suatu yang baik walaupun jumlah kenaikan kurang daripada

apa yang kami harapkan.

"HDK dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sebenarnya mahukan jumlah '*on-call*' supaya ditingkatkan kepada RM25 sejam namun kadar yang ada sekarang selepas kenaikan ini ialah RM11 sejam.

"Kami tidak rasakan jumlah ini cukup untuk mengurangkan jumlah doktor yang keluar ke sektor swasta yang jauh lebih tinggi pendapatannya iaitu hampir RM40 sejam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melanda-

porkan Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan sistem kerja baharu di hospital dan klinik kerajaan secara bersasar.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, bagi fasiliti kesihatan yang menggunakan sistem ini, kerajaan bersetuju supaya elaun '*on-call*' dinaikkan.

"Kenaikkan melibatkan jumlah antara RM55 hingga RM65 kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian mengikut bidang perkhidmatan dan jabatan tertentu," katanya yang juga Perdana Menteri.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Orang kaya jarang guna khidmat kesihatan awam - MMA

Oleh JOHANNA MUMTAZ
WANPA dan FATIN
NORIZATI MAT ISA
johanna.pa@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) terkejut dengan cadangan kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi bagi penjagaan kesihatan di hospital kerajaan.

Presidennya, Datuk Dr. Kalwinder Singh Khaira berkata, ini kerana kalangan orang kaya atau T15 yang mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kerajaan hanya melibatkan peratusan kecil.

Menurut beliau, majoriti golongan tersebut lebih cenderung mendapatkan rawatan di kemudahan penjagaan kesihatan swasta kerana mereka mampu bayar asalkan perkhidmatan yang diperlukan cepat selain lebih selesa.

"Justeru, rancangan kerajaan untuk menyasarkan subsidi bagi penjagaan kesihatan di hospital kerajaan yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 dilihat agak mengejutkan.

"Jadi, langkah tersebut kurang relevan bagi golongan T15 yang kebiasaannya mendapatkan rawatan daripada sektor swasta," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri dilaporkan berkata, penyasaran subsidi akan turut melibatkan kesihatan awam, yang mana golongan berpendapatan tinggi wajar menyumbang kepada perkhidmatan kesihatan di hospital kerajaan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penjimatan diraih dapat dimanfaatkan untuk membina peranti perubatan untuk pesakit miskin dan menaik taraf peralatan hospital dan klinik awam.

Sementara itu, Kalwinder Singh berkata, MMA kesal apabila Belanjawan 2025 tidak memfokuskan isu pembangunan sumber manusia kakitangan perubatan.

Menurut beliau, meskipun pihaknya sentiasa memberikan maklum balas dan cadangan



Langkah tersebut kurang relevan bagi golongan T15 yang kebiasaannya mendapatkan rawatan daripada sektor swasta."

KALWINDER SINGH KHAIRA

mengenai isu tersebut, ia belum diberi perhatian sewajarnya.

Katanya, kerajaan perlu memberikan penjelasan terperinci mengenai pendekatan baharu yang bakal diperkenalkan.

"Walaupun terdapat rancangan baik untuk pengembangan perkhidmatan dan peningkatan infrastruktur namun kami merasakan perhatian terhadap pembangunan sumber manusia kakitangan penjagaan kesihatan masih kurang.

"Penjelasan diperlukan mengenai rancangan kerajaan untuk memperkenalkan sistem kerja baharu dengan cara yang disasarkan," katanya.

Mengulas mengenai kenaikan elaun *on call*, beliau berkata, tiada penjelasan diberikan mengenai kelayakan penerima kenaikan dan jenis kemudahan kesihatan.

Katanya, jumlah kenaikan yang diberikan juga tidak sepadan dengan permintaan agar ia diselaraskan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh doktor 24 jam.

"Kenaikan pangkat, jawatan tetap, latihan, perkembangan kerjaya dan kesejahteraan mental juga perkara penting yang sering dibangkitkan oleh MMA.

"Ia perlu diberi perhatian untuk mengekalkan doktor di Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menjalankan perkhidmatan dan pelan pengembangan yang dirancang oleh kerajaan," katanya.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATIONAL

MONDAY | OCT 21, 2024

NATIONAL 5

RM24m fines issued for smoking offences

KUANTAN: The Health Ministry has issued 98,054 notices amounting to RM24.5 million in fines over the past nine months for smoking-related offences in prohibited areas.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the figure has increased slightly compared with last year, which saw 96,127 notices issued amounting to RM24 million in fines.

"This data proves that we are serious about enforcing the law."

He was speaking after launching the Clean Premises, Smoke-Free (*Bebas*) Walkabout Programme and the Mega Integrated Enforcement Operation on the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) at the national level here on Saturday.

He said if the enforcement of Regulation 11 of the Control of Tobacco Product Regulations 2004 continues until the end of the year, the ministry is expected to have issued over 130,000 notices amounting to RM32 million in fines.

However, the tobacco control regulations have been replaced by Act 852.

When asked if enforcement officers face threats during operations, Dzulkefly said such incidents have occurred but were managed well.

The ministry said the Mega Integrated Enforcement Operation at the state level, which began on Oct 11, aims to curb the sale, purchase and use of tobacco products, including electronic cigarettes, especially among minors.

It urged ministries, agencies, professional bodies, NGOs, traders' associations and the *Madani* community to create a smoke-free environment by enforcing Act 852 and other related laws. – Bernama